KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

**Untuk makluman:**

- YB Menteri
- YB Timbalan Menteri
- YBhg. KSU
- YBhg. TKSU (PPDN)
- YBhg. TKSU (PP)
- Setiausaha Akhbar

**Tarikh:** **20 JUN 2024**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH
BeritaHarian

HARI: KHAMIS
TARIKH: 20/6/2024
M/SURAT: 14

# KPDN Kelantan cadang pasang CCTV di stesen minyak dekat sempadan



*KPDN Kelantan akan memasang CCTV di stesen minyak terpilih di sempadan Malaysia–Thailand bagi memantau dan mengekang aktiviti penyeludupan.* (Foto hiasan)

**Kota Bharu:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan akan memasang kamera litar tertutup (CCTV) di stesen minyak kawasan sempadan Malaysia-Thailand bagi tujuan pemantauan.

Pengarah KPDN Kelantan, Azman Ismail, berkata sebagai permulaan, CCTV akan dipasang di stesen terpilih yang dipercayai sering menjadi pilihan penyeludup pada masa terdekat.

Beliau berkata, ia adalah antara langkah mencegah kegiatan pembelian diesel secara berulang yang dibimbangi untuk tujuan penyeludupan.

"Buat masa sekarang, KPDN meletakkan anggota penguat kuasa secara statik di beberapa stesen terpilih seperti di Tumpat dan Pasir Mas," katanya kepada *BERNAMA*.

Azman berkata, pemasangan CCTV akan membolehkan KPDN memantau dari pejabat dan mudah mengambil tindakan jika berlaku penyeludupan.

Katanya, perkara itu masih dalam perbincangan dengan syarikat minyak dan belum dimuktamadkan.

"Setakat ini, stesen minyak mempunyai CCTV masing-masing dan sekiranya pemantauan mahu dilakukan, pihak KPDN perlu ke stesen minyak untuk membuat pemantauan khususnya melihat di CCTV stesen.

"Apa yang kita inginkan adalah pemantauan terus dari pejabat.

"Di daerah bersempadan, ada 46 stesen minyak dalam radius 20 kilometer yang menjadi tumpuan penyeludup bahan api berkenaan," katanya.

## KPDN serbu stesen minyak

Sementara itu, di **Alor Gajah**, sebuah stesen minyak di sini diserbu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Melaka selepas pengusahanya dipercayai menjual minyak petrol bersubsidi RON95 kepada kenderaan bernombor pendaftaran asing.

Pengarah KPDN negeri, Norena Jaafar, berkata tindakan itu dilakukan selepas pihaknya mengesan satu rakaman video tular di media sosial pada 16 Jun lalu yang mencetus pelbagai reaksi negatif dalam kalangan netizen.

Beliau berkata, video tular itu memperlihatkan seorang individu yang menaiki kenderaan bernombor pendaftaran dipercayai dari negara jiran mengisi petrol bersubsidi.

"Susulan itu sepasukan penguat kuasa KPDN ke stesen terbabit hari ini bagi menjalankan siasatan lanjut dan hasilnya kita syak ada satu kesalahan dibuat oleh pengusaha premis itu.

"Kesalahan disyaki dibuat jam 4.35 petang, Ahad lalu dan menerusi rakaman kamera litar tertutup (CCTV) mendapati seorang lelaki disyaki warga asing membayar RM23.17 melalui transaksi *outdoor payment terminal* (OTP) iaitu pembayaran melalui kad prabayar untuk membeli minyak berkenaan," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Norena berkata, perbuatan itu sekali gus melanggar Peraturan 12A, Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 yang menjadi satu kesalahan di bawah Peraturan 21(1).

"Kesalahan boleh dihukum mengikut Seksyen 22(1) Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) yang mana jika didapati bersalah pengusaha stesen minyak berdepan hukuman denda tidak melebihi RM1 juta atau dipenjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia
HARI: KHAMIS
TARIKH: 20/6/2024
M/SURAT: 30

# Tindakan tegas jika jual RON95 kepada warga asing

ALOR GAJAH: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Melaka akan mengambil tindakan terhadap pengusaha sebuah stesen minyak yang menjual petrol RON95 kepada sebuah kenderaan bernombor pendaftaran asing dipercayai dari negara jiran.

Pengarahnya, Norena Jaafar berkata, kesalahan itu dilakukan di sebuah premis stesen minyak di Mukim Sungai Baru Ulu, Masjid Tanah di sini kira-kira pukul 4.35 petang pada 16 Jun lalu.

Kata beliau, semakan kamera litar tertutup (CCTV) mendapati seorang lelaki disyaki warga asing berusia dalam lingkungan 30-an telah membayar RM23.17 melalui kad prabayar untuk membeli minyak bersubsidi.

"KPDN Melaka bertindak pantas menjalankan siasatan terhadap sebuah stesen minyak di Alor Gajah dan mendapati video yang ditularkan itu adalah benar. Kenderaan tersebut dipercayai pergi dari satu stesen ke stesen yang lain dan sengaja memilih pam minyak yang terlindung dari pandangan orang ramai.



NORENA Jaafar bercakap kepada pemberita ketika sidang akhbar khas di Masjid Tanah, Melaka.

"Lelaki itu kemudiannya ditegur oleh seorang rakyat tempatan menyebabkan dia berhenti mengisi minyak dan terus beredar. KPDN Melaka kini sedang membuka kes pertuduhan terhadap pengusaha stesen minyak terbabit kerana menjual RON95 kepada kenderaan bernombor pendaftaran asing," katanya pada sidang akhbar khas KPDN Melaka di sini, semalam.

Sebelum ini, tular satu video memaparkan seorang individu menaiki kenderaan berpendaftaran asing mengisi minyak petrol bersubsidi.

Tambah Norena, pengusaha stesen minyak berkenaan memberikan alasan tidak nampak ketika kenderaan asing tersebut sedang mengisi minyak.

Menurutnya, alasan itu tidak kukuh memandangkan terdapat CCTV dan ramai saksi.

"Tidak timbul isu pengusaha atau pekerja tidak tahu kerana arahan larangan jualan RON95 kepada kenderaan asing telah dikeluarkan sejak 17 Jun 2022. Notis tersebut turut ditampal di semua stesen minyak," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KPDN PANTAU DARI PEJABAT

# Pasang CCTV di stesen minyak

Bernama

Kota Bharu

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan akan memasang kamera litar tertutup (CCTV) di stesen minyak di kawasan sempadan Malaysia-Thailand bagi tujuan pemantauan.

Pengarah KPDN Kelantan Azman Ismail berkata, dalam masa terdekat sebagai permulaan, CCTV itu akan dipasang di stesen terpilih yang dipercayai sering menjadi pilihan penyeludup.

Beliau berkata, langkah itu antaranya sebagai langkah mencegah kegiatan pembelian minyak secara berulang dibimbangi untuk tujuan penyeludupan.

"Buat masa sekarang, pendekatan KPDN dengan meletakkan anggota penguat kuasa secara statik di beberapa stesen terpilih seperti di Tumpat dan Pasir Mas," katanya.



> "Buat masa sekarang, pendekatan KPDN dengan meletakkan anggota penguat kuasa secara statik di beberapa stesen terpilih seperti di Tumpat dan Pasir Mas"
>
> *Pengarah KPDN Kelantan, Azman Ismail*

PEMASANGAN bakal dibuat di stesen terpilih dipercayai sering jadi pilihan penyeludup.

Azman berkata, dengan pemasangan CCTV berkenaan, KPDN dapat membuat pemantauan secara terus dari pejabat dan senang mengambil tindakan jika berlaku penyeludupan.

Mengulas lanjut, Azman berkata, perkara itu masih dalam perbincangan dengan syarikat-syarikat minyak dan masih belum dimuktamadkan lagi.

"Setakat ini stesen minyak sudah mempunyai CCTV masing-masing dan sekiranya pemantauan mahu dilakukan, pihak KPDN perlu ke stesen minyak untuk membuat pemantauan khususnya melihat di CCTV stesen," katanya.

TheStar

HARI: KHAMIS
TARIKH: 20/6/2024
M/SURAT: 4

SARAWAK

# 'Ensure prices don't rise in Sarawak following diesel subsidy rationalisation'

THE diesel subsidy rationalisation in Peninsular Malaysia will likely impact Sabah and Sarawak too, says a lawmaker.

Bukit Assek assemblyman Joseph Chieng wants relevant agencies to monitor the prices of goods.

"Although diesel price in Sabah and Sarawak is still maintained, it does not mean that we will not be affected.

"Many of our goods come from the peninsula and the transport price will increase when sent here.

"I urge the Domestic Trade and Cost of Living Ministry, to monitor the prices of goods," he told the media after handing over beef in conjunction with Hari Raya Aidiladha at Al-Muhajirin Mosque in Kampung Usahajaya, Sibu.

Chieng said the diesel subsidy rationalisation might lead to a lack of supply.

"Diesel supply shortages always happen every November and December," said Chieng who called on the ministry to coordinate the monthly diesel quota to ensure sufficient supply.



Chieng presenting beef to a villager at the mosque.

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UMUM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: KHAMIS
TARIKH: 20/6/2024
M/SURAT: 14

# 75,000 telur ayam habis dijual dalam masa 3 jam



*Orang ramai beratur membeli telur ayam di kedai borong di Kampung Chabang Tiga di Kuala Terengganu, semalam.* (Foto Ghazali Kori/BH)

## Penurunan harga legakan pengguna, bantu peniaga kurangkan kos jualan

Oleh Zatul Iffah Zolkiply
zatuliffah@bh.com.my

**Kuala Terengganu:** Sebanyak 75,000 telur gred A, B dan C di sebuah kedai borong di Chabang Tiga, di sini, habis terjual dalam masa tiga jam selepas premis berkenaan diserbu pelanggan.

Tinjauan mendapati orang ramai mula beratur seawal jam 7 pagi, walaupun premis berkenaan memulakan operasi kira-kira 30 minit kemudian.

Pengurus syarikat borong itu, Nursyzanil Adha Ramli, berkata, sebanyak 2,700 papan telur pelbagai gred diterima hari ini dengan 2,500 papan telur gred A, B dan C habis terjual dalam masa tiga jam dan kini hanya berbaki 200 papan telur premium dan telur ayam kampung.

Katanya, pihaknya tidak meletakkan had pembelian kepada pembeli menyebabkan telur gred A, B dan C terjual dengan cepat.

"Ketika mahu membuka kedai jam 7.30 pagi, orang ramai sudah beratur untuk beli telur dan dalam tempoh beberapa jam, bekalan telur licin dan hanya tinggal telur omega dan telur ayam kampung.

"Jualan telur sangat laris apabila bekalan telur gred A, B dan C habis sebelum jam 11 pagi sehingga menyebabkan ada pelanggan pulang dengan tangan kosong.

"Selain itu, terdapat sedikit pengurangan bekalan yang diterima berbanding hanya 4,600 atau 5,000 papan sebelum ini tetapi penghantaran bekalan masih stabil," katanya.

### Sanggup beratur panjang

Peniaga char kuetiau, Mohd Hafizi Rusli, 41, berkata, dia memerlukan sebanyak 10 papan telur setiap hari dan penurunan harga itu sedikit sebanyak membantunya berjimat.

"Sebelum ini, saya beli telur gred B dengan harga RM12.90 tetapi sekarang harga baharu adalah RM12, jadi saya dapat berjimat antara RM250 sehingga RM270 sebulan.

"Sebab itu saya sanggup beratur panjang untuk mendapatkan bekalan.

"Namun, saya harap bekalan telur ini tidak terganggu memandangkan ia antara bahan mentah yang digunakan semua seperti peniaga dan isi rumah," katanya.

BH BeritaHarian

HARI: KHAMIS
TARIKH: 20/6/2024
M/SURAT: 6

# 100,000 permohonan bantuan tunai BUDI MADANI diluluskan

## Kementerian Kewangan mohon rakyat layak segera daftar dapatkan bayaran

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
nooratiqah.sulaiman@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kewangan sudah meluluskan sebanyak 100,000 permohonan bantuan tunai subsidi diesel untuk pemilik kenderaan individu (BUDI Individu) serta petani dan pekebun (BUDI Agri-Komoditi).

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, berkata matlamat penyasaran subsidi diesel adalah untuk menumpukan bantuan kepada sektor yang layak dan golongan masyarakat memerlukan.

Katanya, bantuan tunai yang ditetapkan pada RM200 sebulan adalah untuk menampung perbelanjaan tambahan bagi lebih 90 peratus pemilik kenderaan diesel individu.

"Saya menggesa kepada rakyat Malaysia yang layak, supaya segera mendaftar bagi mendapatkan bayaran bantuan tunai diesel untuk bulan ini.

"Kerajaan komited untuk menyalurkan bantuan tunai BUDI MADANI bermula pada bulan permohonan dibuat," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Kerajaan pada 9 Jun lalu mengumumkan harga diesel di semua stesen runcit Semenanjung ditetapkan pada kadar RM3.35 seliter, iaitu harga pasaran tanpa subsidi bermula 10 Jun.

Berikutan itu, bagi memastikan peruntukan subsidi disasarkan kepada golongan yang layak dan mengurangkan beban golongan memerlukan, kerajaan memperkenalkan inisiatif BUDI MADANI yang menyediakan bantuan tunai sebanyak RM200 sebulan.

Mengulas lanjut, Amir Hamzah berkata, seramai 30,000 pemohon sudah pun menerima bayaran bantuan tunai sejak 10 Jun lalu, diikuti 46,000 pemohon pula menerima bayaran semalam.

"Bagi mereka yang membuat permohonan sebelum hujung bulan Jun ini, pemohon akan menerima bayaran pada awal Julai 2024.

"Pemohon yang layak akan menerima bantuan RM200 secara bulanan melalui akaun bank masing-masing atau mendapatkan bayaran tunai di kaunter-kaunter Bank Simpanan Nasional," katanya.

Inisiatif BUDI MADANI yang dibuka sejak 28 Mei lalu adalah platform untuk menyalurkan bantuan tunai subsidi diesel kepada pemilik kenderaan diesel melalui kategori BUDI Individu; dan kepada petani kecil dan pekebun kecil melalui kategori BUDI Agri-Komoditi.



*Dianggarkan 300,000 pemilik kenderaan diesel persendirian individu di Semenanjung layak terima BUDI Individu.* (Foto hiasan)

Dianggarkan seramai 300,000 pemilik kenderaan diesel persendirian individu di Semenanjung layak untuk menerima BUDI Individu.

### 400,000 petani raih manfaat

Sementara itu, hampir 400,000 petani dan pekebun skala kecil berkelayakan menerima manfaat daripada BUDI Agri-Komoditi.

Bagi pemohon individu yang gagal, mereka boleh membuat semakan permohonan serta mengemukakan rayuan di laman sesawang BUDI MADANI, iaitu https://budimadani.gov.my.

Pemohon petani dan pekebun kecil yang belum berdaftar di agensi di bawah Kementerian yang berkenaan, mereka dinasihatkan untuk berbuat demikian terlebih dahulu.

Selepas itu, mereka digalakkan mengemukakan permohonan BUDI MADANI (sekiranya belum memohon) atau mengemukakan rayuan di laman sesawang BUDI MADANI.

Maklumat lanjut, boleh melayari https://budimadani.gov.my atau menghubungi talian bantuan BUDI MADANI di talian 1-800-88-2747 / 03-8882 4565 / 03-88824566 atau secara e-mel di budimadani@treasury.gov.my.

BH BeritaHarian

HARI: KHAMIS
TARIKH: 20/6/2024
M/SURAT: 6

# Kerajaan disyor beri subsidi diesel ikut keperluan

**Kuala Lumpur:** Kerajaan dicadang memberikan bantuan subsidi bersasar diesel berdasarkan keperluan pengguna dan bukannya secara pukul rata seperti dilaksanakan kini membabitkan pemberian tunai tetap sebanyak RM200 sebulan.

Melalui bantuan penyasaran subsidi diesel, kerajaan melaksanakan pemberian tunai RM200 melalui BUDI MADANI kepada golongan sasar membabitkan individu dengan pendapatan di bawah RM100,000 setahun, selain petani dan pesawah.

Penganalisis ekonomi University College i-CATS Kuching, Prof Datuk Dr Shazali Abu Mansor, berkata pemberian subsidi bersasar secara pukul rata itu dikhuatiri tidak mencapai matlamat untuk membantu rakyat berdasarkan keperluan sebenar kerana kadar penggunaan setiap orang adalah berbeza.

Sehubungan itu, beliau berkata, pihaknya mencadangkan supaya penggunaan 'fleet card' melalui Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) diperluaskan kepada penerima BUDI MADANI.

"Agihan subsidi diesel dilaksanakan kerajaan kini tidak menggambarkan keperluan kerana ada orang menggunakan lebih banyak bahan api itu kerana terpaksa melakukan perjalanan jauh setiap hari.

"Maka jumlah RM200 itu mungkin tidak mencukupi untuk mereka, namun ada juga yang menggunakan diesel di bawah keperluan RM200 setiap bulan.

"Pemberian subsidi bersasar tidak boleh dilakukan secara pukul rata, sebaliknya beri berdasarkan keperluan mereka," katanya kepada *BH*, di sini.



Shazali Abu Mansor



Hassan Abu Bakar

Beliau berkata demikian bagi mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, bahawa kerajaan bersedia memperbaiki kelemahan yang dikenal pasti dalam pelaksanaan penyasaran subsidi diesel.

Perdana Menteri dilaporkan berkata, apa yang dilakukan ketika ini adalah perubahan awal dan semestinya berdepan beberapa kekurangan.

Pada masa sama, Shazali berkata, kerajaan perlu membuat sesi libat urus dengan pihak berkepentingan khususnya peniaga untuk mendapatkan mekanisme terbaik dalam pelaksanaan subsidi diesel itu.

## Sedia sistem berpusat

Sementara itu, Ketua Kluster Ekonomi, Majlis Profesor Negara (MPN), Prof Dr Hassan Abu Bakar, berkata kerajaan memerlukan satu sistem berpusat yang membolehkan data daripada semua agensi kerajaan diperoleh untuk pemantauan dan pelaksanaan yang lebih berkesan terhadap pemberian subsidi diesel.

Beliau berkata, suatu sistem mantap diperlukan bagi memastikan tiada gangguan dari segi penyelarasan harga pasaran diesel.

"Kerajaan perlu beri perhatian dari segi pelaksanaan sistem untuk ia disalurkan dengan lebih berkesan... saya rasa sistem melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) lebih baik daripada Pangkalan Data Utama (PADU).

"Apa yang perlu ada ialah satu sistem yang boleh tarik data daripada semua kementerian dan agensi kerajaan bagi membolehkan pemantauan dan pelaksanaan yang lebih berkesan," katanya.

Hassan berkata, walaupun jumlah bantuan tunai RM200 sebulan itu memadai, namun kerajaan boleh mengkaji semula sekiranya ada perubahan harga pasaran diesel ataupun berlaku kenaikan harga barang keperluan asas.

Utusan Malaysia

HARI: KHAMIS
TARIKH: 20/6/2024
M/SURAT: 35

# 75,000 telur habis dalam 3 jam

**KUALA TERENGGANU:** Sebanyak 2,500 papan telur gred A, B dan C yang baru tiba di sebuah kedai borong di Kampung Chabang Tiga di sini, habis dijual dalam masa tiga jam.

Tinjauan *Utusan Malaysia* semalam mendapati, orang ramai mula beratur seawal pukul 7.30 pagi untuk mendapatkan sumber protein itu pada harga terbaharu yang berkuat kuasa Isnin lalu.

Pengurus syarikat borong, Nursyzanil Adha Ramli berkata, sebanyak 2,700 papan telur pelbagai gred diterima semalam yang hanya berbaki 200 papan telur premium dan telur ayam kampung selepas tiga jam beroperasi.

Katanya, pihaknya tidak meletakkan had pembelian menyebabkan telur gred A, B dan C 'laku keras' dalam masa singkat selain telur gred AA dan gred D turut laris.



NURSYZANIL Adha Ramli menyusun bekalan telur di premisnya di Kampung Chabang Tiga, Kuala Terengganu, semalam. – UTUSAN/ PUQTRA HAIRRY ROSLI

"Ketika hendak buka kedai pukul 7.30 pagi, orang ramai sudah beratur untuk membeli telur dan tidak sampai pukul 11 pagi, hanya tinggal telur Omega dan telur ayam kampung.

"Kira-kira 2,500 papan atau 75,000 biji telur gred A, B dan C paling laris sehingga habis dijual dalam masa tiga jam menyebabkan pelanggan yang datang lewat terpaksa pulang tangan kosong.

"Dari segi bekalan ada sedikit pengurangan berbanding 4,600 atau 5,000 papan yang biasa diterima, cuma trip penghantaran masih stabil," katanya ketika ditemui di sini.

Sementara itu, seorang peniaga char kuetiau, Mohd. Hafizi Rusli, 41, berkata, dia sanggup beratur panjang untuk mendapatkan telur gred B pada harga RM12 sepapan berbanding harga lama RM12.90.

"Sebanyak 10 papan telur diperlukan setiap hari untuk menjalankan perniagaan dan saya dapat berjimat antara RM250 sehingga RM270 sebulan dengan penurunan harga runcit telur ini.

"Cuma apa yang saya harap bekalan telur tidak terganggu kerana ia antara bahan mentah paling penting dan digunakan semua sama ada golongan peniaga atau untuk kegunaan isi rumah," katanya.

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI: KHAMIS
TARIKH: 20/6/2024
M/SURAT: 14



SEBANYAK 2,500 papan telur yang diturunkan daripada lori berjaya terjual dalam masa kurang tiga jam di Chabang Tiga, Kuala Terengganu semalam.



ORANG ramai beratur seawal pukul 7.30 pagi untuk mendapatkan bekalan telur ayam.

Harga turun 3 sen sebiji, pelanggan sanggup beratur panjang seawal pukul 7.30 pagi

# 2,500 papan telur 'licin' dalam 3 jam

Oleh TENGKU DANISH BAHRI TENGKU YUSOFF

**KUALA TERENGGANU** – Orang ramai sanggup beratur panjang untuk mendapatkan bekalan telur ayam pada harga baharu di sebuah premis pemborong telur di Chabang Tiga di sini semalam.

Sebaik dibuka pada pukul 9 pagi, sebanyak 2,500 papan telur ayam gred A, B dan C yang baru diturunkan daripada lori pembekal habis terjual dalam tempoh tidak sampai tiga jam.

Pengurus syarikat pemborong, Nursyazanil Adha Ramli berkata, para pelanggannya mula beratur seawal pukul 7.30 pagi untuk membeli telur pada harga murah seperti diumumkan Perdana Menteri pada Isnin lalu.

"Bekalan telur ayam bagi semua gred diterima pagi tadi (semalam) sudah habis dijual menjelang pukul 11 pagi.

"Telur ayam gred AA dan D yang kekal harganya juga laku. Kini tinggal kurang 200 papan telur ayam kampung dan premium yang belum terjual," katanya ketika ditemui di Chabang Tiga.

Nursyazanil Adha memberitahu, pihaknya tidak mengehadkan pembelian kerana tidak menyangka mendapat sambutan luar biasa daripada pelanggan. Keadaan itu menyebabkan ada pelanggan yang "terlepas" membeli telur tersebut.

"Bekalan diterima juga agak kurang berbanding 4,600 papan telur sebelum ini," katanya.

Seorang peniaga char kuetiau, Mohd. Hafizi Rusli, 41, berkata, dia tidak berfikir panjang untuk beratur apabila mengetahui bekalan telur tiba pagi semalam.

"Setiap hari, saya menggunakan 10 papan telur untuk berniaga. Harga telur ayam gred B kini RM12 sepapan, jadi dapat berjimat 90 sen. Secara keseluruhan, saya dapat berjimat sebanyak RM270 sebulan.

Bagi peniaga kedai runcit, Hafizudin Sahpil, 32, dia berharap bekalan telur ayam kekal stabil kerana sumber protein itu antara barangan keperluan paling dicari pelanggannya.

Pada Isnin lalu, kerajaan mengumumkan harga runcit bagi telur gred A, B dan C diturunkan 3 sen sebiji berkuat kuasa hari sama. Penamatan subsidi keperluan makanan rakyat sebanyak 10 sen untuk sebiji telur ayam tersebut melibatkan perbelanjaan berjumlah RM100 juta.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: KHAMIS
TARIKH: 20/6/2024
M/SURAT: 9

# 100,000 permohonan Budi Madani diluluskan

**PUTRAJAYA** - Sebanyak 100,000 permohonan bantuan tunai subsidi diesel di bawah inisiatif Budi Madani untuk pemilik kenderaan diesel individu (Budi individu) serta petani dan pekebun kecil (Budi Agri-Komoditi) telah diluluskan Kementerian Kewangan (MOF).

Menteri Kewangan II, Datuk Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, matlamat penyasaran subsidi diesel adalah untuk menumpukan bantuan kepada sektor yang layak dan golongan masyarakat yang memerlukan.

"Bantuan tunai yang ditetapkan pada RM200 sebulan adalah untuk menampung perbelanjaan tambahan diesel bagi lebih 80 peratus pemilik kenderaan diesel individu," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Ujar beliau, seramai 30,000 pemohon telah menerima bayaran bantuan tunai pada 10 Jun lalu diikuti oleh 46,000 pemohon yang menerima bayaran pada 19 Jun.

"Bagi mereka yang membuat permohonan sebelum hujung bulan Jun ini, pemohon akan menerima bayaran pada awal Julai ini," jelas Amir.

Tambahnya, dianggarkan seramai 300,000 pemilik kenderaan diesel persendirian individu di Semenanjung Malaysia layak untuk menerima Budi individu manakala hampir 400,000 petani dan pekebun skala kecil berkelayakan menerima manfaat daripada Budi Agri-Komoditi.

"Pemohon yang layak akan menerima bantuan sebanyak RM200 secara bulanan melalui akaun bank masing-masing atau mendapatkan bayaran tunai di kaunter Bank Simpanan Nasional," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: KHAMIS
TARIKH: 20/6/2024
M/SURAT: 9



# Harga diesel kekal minggu kedua penyasaran subsidi

**PUTRAJAYA** - Harga diesel kekal RM3.35 sen seliter pada minggu kedua pelaksanaan penyasaran subsidi bahan bakar itu.

Kementerian Kewangan dalam kenyataan penetapan harga runcit produk petroleum secara mingguan bagi tempoh 20 hingga 26 Jun memaklumkan, harga runcit petrol RON97 dan RON95 turut dikekalkan masing-masing pada paras RM3.47 serta RM2.05 seliter.

"Harga runcit diesel di Sabah, Sarawak dan Labuan kekal RM2.15 seliter," kata kementerian itu pada Rabu.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: KHAMIS
TARIKH: 20/6/2024
M/SURAT: 12

# Pengguna dakwa berlaku kenaikan

Antara barang yang dikatakan mengalami peningkatan ialah ayam, ikan, udang dan cili padi

Oleh NURATIKAH ATHILYA HASSAN
SHAH ALAM



Pengguna mendakwa beberapa barangan keperluan asas mengalami sedikit kenaikan berbanding minggu lalu. -Gambar hiasan



MOHD AIDE



NOR BAITI



NUR HASMALYNDA



NOR NAJLA



NORAZRAN



NURUL FARAFISYA

Pengguna mendakwa beberapa barang keperluan asas seperti ayam, ikan dan udang, cili serta sayur-sayuran lain didapati mengalami kenaikan harga selepas satu minggu penyasaran subsidi diesel dilaksanakan.

Tinjauan *Sinar Harian* di pasar raya sekitar Lembah Klang mendapati peningkatan tersebut berlaku antara RM2 hingga RM3 membabitkan beberapa jenis barangan bukan kawalan.

Seorang pengguna, Mohd Aide Mohamed Kussim, 51, mendakwa, beberapa barangan keperluan asas mengalami sedikit kenaikan berbanding minggu lalu.

"Setakat ini memang ada peningkatan harga. Tapi kalau ikutkan barang keperluan asas adalah barangan terkawal, jadi kebanyakan peniaga masih akur dengan ketetapan tersebut.

"Harga hari ini pun masih sama macam minggu lepas, cuma cili padi ada sedikit peningkatan sekitar RM2 hingga RM3 macam itu," katanya pada Selasa.

Suri rumah, Nor Baiti Mohamad Sidik, 52, turut mendakwa harga barangan basah seperti ayam, ikan dan udang meningkat sebanyak 50 peratus.

Menurutnya, bahan asas seperti sayur dan bawang sebelum ini sekitar RM2 bagi 100 gram hingga 200 gram tetapi kini sudah mencecah RM4.

"Ini harga kawasan luar bandar, di kawasan bandar masih belum terjejas. Mungkin kos naik sebab mahu tampung kos pengangkutan," ujarnya.

Menurut Nur Hasmalynda Hasan, 35, ada kedai runcit didapati menaikkan harga beberapa barangan.

Dia melahirkan kebimbangan untuk jangka masa akan datang kemungkinan lebih banyak lagi barang yang akan naik harga.

"Saya memang mengharapkan tiada lagi kenaikan dan dapat kembalikan harga yang asal sebelum ada kenaikan harga diesel," luahnya.

Bagi anggota polis, Norazran Yusoff, 36, kerajaan perlu mengekalkan harga barangan keperluan asas kini dan menaikkan taraf gaji rakyat supaya tidak terbeban dengan kos sara hidup yang tinggi.

"Zaman sekarang banyak nak pakai duit... barang pun mahal. Kalau keluarga yang ada anak ramai lagi banyak kos perbelanjaan mereka," ujarnya.

Sementara itu, Kakitangan Lembaga Zakat Selangor, Nor Najla Rolin, 28, berkata, peningkatan harga barangan menjadikan dia dan keluarganya terpaksa menyusun semula perbelanjaan bulanan.

"Saya faham mereka (peniaga) terpaksa menaikkan harga kerana mereka juga mempunyai komitmen seperti bayar tapak sewa dan gaji pekerja.

"Saya rasa sangat terbeban dengan harga mahal sekarang. Bayangkan dulu beli barang keperluan RM100 sudah mencukupi untuk seminggu tapi sekarang RM200 baru cukup," katanya.

Bagi suri rumah, Nurul Farafisya Adibah Zulkepli, 26, dia mengakui bahawa harga barang kawalan masih sama seperti yang ditetapkan kerajaan namun terdapat beberapa barangan lain mengalami ketidaktentuan harga.

Katanya, kenaikan harga barang dari masa ke masa memerlukan perhatian penuh daripada kerajaan dengan memberi lebih banyak bantuan supaya dapat meringankan beban rakyat dalam menghadapi situasi berkenaan.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: KHAMIS
TARIKH: 20/6/2024
M/SURAT: 12

# Harga telur turun bakal jejas bekalan sedia ada – Ka Siong

**SHAH ALAM** - Tindakan kerajaan menurunkan harga telur ayam tiga sen sebiji bagi gred A, B dan C berpotensi mencetuskan permintaan tinggi dan bakal menjejaskan bekalan sedia ada.

Presiden MCA, Datuk Seri Wee Ka Siong berkata, peningkatan permintaan sebanyak lima peratus sahaja mampu menyebabkan kekurangan satu juta telur daripada bekalan.

Menurutnya, sekiranya perkara itu berlaku, krisis bekalan telur ayam akan berulang sekali gus menyebabkan kenaikan harga memandangkan bekalan tidak boleh ditingkatkan dalam jangka masa pendek.

"Lagi isu telur, sudah berkali-kali saya sebut di Dewan Rakyat sejak awal tahun 2023. Kerajaan digesa memastikan bekalan telur ayam tidak terjejas sepertimana pernah berlaku sebelum ini.

"Walaupun bekalan telur stabil dalam beberapa bulan ini, namun ia masih lagi kurang berbanding tahun 2019.

"Ini jelas menunjukkan bahawa industri ternakan ayam masih belum pulih sepenuhnya," katanya menerusi hantaran di Facebook pada Selasa.

Sebelum ini, kerajaan memutuskan penurunan harga runcit telur ayam selaras usaha mengembalikan hasil penjimatan penyasaran subsidi kepada rakyat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, harga runcit bagi telur ayam gred A, B dan C turun tiga sen sebiji berkuat kuasa 17 Jun lalu.

Sementara itu, Ka Siong berpandangan, keputusan untuk mengurangkan harga telur dikhuatiri memudaratkan rakyat.

Tambahnya, kerajaan akhirnya terpaksa berbelanja lebih bagi mensubsidi telur yang telah mencecah RM927 juta tahun ini.

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: KHAMIS
TARIKH: 20/6/2024
M/SURAT: 12

# Tauke telur kaut untung peruntukan subsidi

**KUALA LUMPUR -** Penurunan harga telur sebanyak 3 sen disifatkan bukan bertujuan membantu rakyat paling miskin sebaliknya membantu tauke-tauke telur mengaut keuntungan daripada peruntukan subsidi telur.

Perkara itu ditegaskan Presiden Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan), Datuk Dr Dominic Lau Hoe Chai yang menyifatkan rakyat hanya menerima sedikit manfaat berbanding pengeluar telur.

"Senarionya adalah Kerajaan Madani tambah subsidi RM100 juta atau bersamaan 10 sen sebiji telur untuk membayar pengeluar tetapi rakyat hanya menerima manfaat penurunan 3 sen sebiji telur dan baki 7 sen dapat kepada pengeluar.

"Pada pendapat saya, langkah tepat adalah kerajaan harus memastikan produktiviti telur meningkat dari masa ke masa, ia boleh membantu dari segi permintaan dan mengurangkan penawaran sekali gus harga telur dapat dikekalkan atau turun," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Tambahnya, langkah Pakatan Harapan dan Barisan Nasional ini adalah sebagai bukti menunjukkan mereka tidak peka terhadap keluhan rakyat.

"Oleh kerana sistem ekonomi negara tidak efisien dan gagal diurus dengan baik oleh pucuk pimpinan kerajaan, maka rakyat akan menghadapi kesulitan hidup yang lebih teruk," ujarnya.

Sehubungan itu, Dominic menggesa kerajaan untuk mewujudkan pakej ekonomi atau bantuan rakyat bernilai RM4 bilion yang bersamaan dengan jumlah penjimatan perbelanjaan kerajaan hasil penyasaran subsidi.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

theSun

HARI: KHAMIS
TARIKH: 20/6/2024
M/SURAT: 3

# Egg price drop a relief for Sabah, Sarawak folk

**KUALA LUMPUR:** The three-sen drop in retail prices of grade A, B and C eggs that was announced on Monday has brought relief to Sabah and Sarawak residents.

In Sabah, state National Consumer Foundation chairman David Chan said residents, particularly those in the B40 group, still rely on eggs and chicken as daily food sources, and it would be a burden for them if the prices were floated on the free market.

Chicken and egg traders would also struggle to operate, forcing them to raise their selling prices. This would affect their sales, he said.

"We are concerned that if prices are not controlled, many parties will be affected, as many of them are still facing various issues related to rising prices of goods and cost of living.

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim announced that the new retail prices for grade A, B, and C eggs are 42 sen, 40 sen and 38 sen each respectively effective since Monday.

In Sarawak, Consumers Voice Association president Michael Tiong said the three-sen reduction in egg prices is proof that the government is always aware of people's basic needs and its willingness to ease their burden.

He said it has a positive impact on consumption, which in turn can help stabilise the prices of other basic necessities by putting pressure on traders not to raise prices arbitrarily.

"If traders continue to raise prices, the government must take firm action to ensure that the announced price reduction truly benefits the people," he said.

Frozen curry puff entrepreneur Zihani Ismawi, 35, said it could help reduce the daily cost of living and increase purchasing power, especially for those who rely on eggs as a protein source.

Baker Winnie Elyse, 49, said the reduction in the prices of eggs, a key ingredient in cake making, provides relief for her, as any increase would have a significant impact on her business production costs. – Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

TheStar

HARI: KHAMIS
TARIKH: 20/6/2024
M/SURAT: 4

# Costlier services ahead for RoRo lorries

By N. TRISHA
trishang@thestar.com.my

**BUTTERWORTH:** With most roll-on, roll-off (RoRo) lorry operators not qualifying for the diesel subsidy, the worst fear is being confirmed – their services will cost more.

Penang Garbage Truck Operators Association president Arif Ibrahim said this is the only way out in terms of managing their expenses due to the enforcement of the diesel subsidy rationalisation.

"Vehicles registered as rigid lorries (for waste) qualify for the subsidy, whereas those registered as RoRo do not.

"We are confused because these are the same type of vehicles yet the classifications changed a few years ago.

"Our costs have increased greatly and we are digging deep to pay the expenses.

"We are private lorry owners making a living from collecting waste from factories, residences and other premises.

"We've already been struggling with fewer trips over the past few months.

"The increase in diesel price has put us in jeopardy," he said during a peaceful protest held outside the Seberang Prai City Council Jawi branch building yesterday.

Arif said the association had reached out to various agencies to find out why most RoRo were not included in the subsidy.

"Some of us have two or three lorries, with only one qualifying for the subsidy.

"This means that we pay 55% more to fill up the tank of lorries that do not qualify for the subsidy.

"We cannot go on like this and have decided to raise our charges," he said.

The association has 97 companies with over 100 lorries in Penang.

He said it now costs RM200 to fill up a three-tonne lorry compared to RM150 previously.



**Include us:** RoRo lorry drivers who did not qualify for the diesel subsidy gathering at the Seberang Prai City Council Jawi branch's parking lot in Nibong Tebal. – ZHAFARAN NASIB/The Star

"We have to account for lorry repairs and other matters as well.

"Our usual charges are RM280 per trip from Penang Island to Pulau Burung in Nibong Tebal. But we have to raise it to RM350 now.

"On the mainland, we used to charge between RM250 and RM280 per trip to Pulau Burung.

"It is now RM300 per trip," he said, appealing to the government to include RoRo lorries for the subsidy.

Presently, 23 types of commercial vehicles are eligible for subsidised diesel.

These include rigid lorries (general cargo, luton/box, water tanks, refrigerated flour tanks, bottled drinks, curtainsiders, agricultural produce, livestock transport, open platforms, moving services and waste), prime movers, window vans, panel vans, food catering lorries, combination rigid lorries, rigid tank lorries (beverages), semi-panel vans, service buses, moving service vans, food catering buses, and food catering vans.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 20 JUN 2024 | | | |
|---|---|---|---|
| TARIKH | TAJUK | PAUTAN | MEDIA |
| 20-Jun | Industri jamin bekalan telur mencukupi | https://www.sinarharian.com.my/article/670645/berita/nasional/industri-jamin-bekalan-telur-mencukupi | SINAR HARIAN |
| 20-Jun | Kerajaan nafi benar aktiviti kartel sebelum Akta 712 | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/06/kerajaan-nafi-benar-aktiviti-kartel-sebelum-akta-712/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 20-Jun | KPDN akan timbang rayuan subsidi diesel trak tunda | https://malaysiagazette.com/2024/06/19/kpdn-akan-timbang-rayuan-subsidi-diesel-trak-tunda/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 20-Jun | KPDN timbang rayuan sub-sidi diesel, pengusaha 'towing' diberitahu | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/06/18/kpdn-timbang-rayuan-subsidi-diesel-pengusaha-towing-diberitahu/ | FREE MALAYSIA TODAY |
| 20-Jun | ULASAN I Dasar rasional-isasi subsidi bahan api mesti diteruskan | https://www.malaysiakini.com/news/709133 | MALAYSIA KINI |
| 20-Jun | KPDN serbu premis jual gas petroleum cecair melebihi harga kawalan | https://www.wilayahku.com.my/kpdn-serbu-premis-jual-gas-petroleum-cecair-melebihi-harga-kawalan/ | WILAYAHKU |
| 20-Jun | Peniaga jual gas memasak lebih harga kawalan kena tindakan | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/06/18/peniaga-jual-gas-memasak-lebih-harga-kawalan-kena-tindakan/ | FREE MALAYSIA TODAY |
| 20-Jun | Domestic Trade Ministry plans to instal CCTV at bor-der petrol stations | https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/06/19/domestic-trade-ministry-plans-to-instal-cctv-at-border-petrol-stations | THE STAR |
| 20-Jun | KPDN KELANTAN RANCANG PASANG CCTV DI STESEN MINYAK DI SEMPADAN NEGARA | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2309125 | BERNAMA |
| 20-Jun | KPDN Kelantan cadang pasang CCTV di stesen minyak sempadan | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/06/1260548/kpdn-kelantan-cadang-pasang-cctv-di-stesen-minyak-sempadan | BERITA HARIAN |
| 20-Jun | KPDN Kelantan akan pasang CCTV di stesen minyak di sempadan negara | https://www.sinarharian.com.my/article/670714/berita/semasa/kpdn-kelantan-akan-pasang-cctv-di-stesen-minyak-di-sempadan-negara | SINAR HARIAN |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 20-Jun | KPDN Kelantan cadang pasang CCTV di stesen minyak di sempadan negara | https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/06/1102135/kpdn-kelantan-cadang-pasang-cctv-di-stesen-minyak-di-sempadan-negara | HARIAN METRO |
| 20-Jun | Kelantan KPDN plans to install own cctv at border petrol stations | https://thesun.my/local-news/kelantan-kpdn-plans-to-install-own-cctv-at-border-petrol-stations-CP12593375 | THE SUN |
| 20-Jun | CCTV akan dipasang di stesen minyak di sempadan negara – KPDN Kelantan | https://www.buletintv3.my/nasional/cctv-akan-dipasang-di-stesen-minyak-di-sempadan-negara-kpdn-kelantan/ | BULETIN TV3 |
| 20-Jun | Tegas kuat kuasa tanda harga, KPDN diberitahu | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/06/18/tegas-kuat-kuasa-tanda-harga-kpdn-diberitahu/ | FREE MALAYSIA TODAY |
| 20-Jun | Jual petrol RON95 kepada warga asing, pengusaha stesen minyak berdepan denda RM1j | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/06/1260568/jual-petrol-ron95-kepada-warga-asing-pengusaha-stesen-minyak-berdepan | BERITA HARIAN |
| 20-Jun | JUAL RON95 KEPADA KENDERAAN ASING, PENGUSAHA STESEN MINYAK DIKENAKAN TINDAKAN | https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2309186 | BERNAMA |
| 20-Jun | Tular jual RON95 kepada warga Singapura, pengusaha bakal didakwa | https://malaysiagazette.com/2024/06/19/tular-jual-ron95-kepada-warga-singapura-pengusaha-bakal-didakwa/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 20-Jun | Jual petrol RON95 kepada warga asing, pengusaha stesen minyak berdepan denda RM1 juta | https://www.buletintv3.my/nasional/jual-petrol-ron95-kepada-warga-asing-pengusaha-stesen-minyak-berdepan-denda-rm1j/ | BULETIN TV3 |
| 20-Jun | Jual RON95 kepada warga asing, pengusaha stesen minyak berdepan denda RM1 juta | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/06/1102190/jual-ron95-kepada-warga-asing-pengusaha-stesen-minyak-berdepan-denda-rm1 | HARIAN METRO |
| 20-Jun | KPDN opens probe paper on petrol station operator who sold RON95 to foreign vehicle | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/06/19/kpdn-opens-probe-paper-on-petrol-station-operator-who-sold-ron95-to-foreign-vehicle/140507 | MALAY MAIL |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 20-Jun | KPDN opens probe paper on petrol station operator who sold RON95 to foreign vehicle | https://thesun.my/local-news/kpdn-opens-probe-paper-on-petrol-station-operator-who-sold-ron95-to-foreign-vehicle-BP12594173 | THE SUN |
| 20-Jun | Jual RON95 kepada kenderaan asing, pengusaha stesen minyak di Masjid Tanah dikenakan tindakan | https://www.melakahariini.my/jual-ron95-kepada-kenderaan-asing-pengusaha-stesen-minyak-di-masjid-tanah-dikenakan-tindakan/ | MELAKA HARI INI |
| 20-Jun | Jual RON95 kepada kenderaan asing, pengusaha stesen minyak dikenakan tindakan | https://www.utusanborneo.com.my/2024/06/19/jual-ron95-kepada-kenderaan-asing-pengusaha-stesen-minyak-dikenakan-tindakan | UTUSAN BORNEO |
| 20-Jun | Jual RON95 kepada warga asing, pengusaha stesen minyak berdepan denda RM1 juta | https://www.sinarharian.com.my/article/670739/edisi/melaka-ns/jual-ron95-kepada-warga-asing-pengusaha-stesen-minyak-berdepan-denda-rm1-juta | SINAR HARIAN |
| 20-Jun | Gambar tular, pemilik restoran disiasat simpan barang kawalan tanpa permit | https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/06/1102265/gambar-tular-pemilik-restoran-disiasat-simpan-barang-kawalan-tanpa-permit | HARIAN METRO |
| 20-Jun | Buy eggs from supermarkets as they follow gov't regulated prices - Sandakan KPDN | https://thesun.my/local-news/buy-eggs-from-supermarkets-as-they-follow-gov-t-regulated-prices-sandakan-kpdn-KP12593944 | THE SUN |
| 20-Jun | BELI TELUR DI PASAR RAYA, HARGA JUAL DITETAPKAN KERAJAAN - KPDN SANDAKAN | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2309185 | BERNAMA |
| 20-Jun | Peniaga diingatkan patuhi arahan berkaitan penurunan harga runcit telur ayam – KPDN Sandakan | https://sabahmedia.com/2024/06/19/peniaga-diingatkan-patuhi-arahan-berkaitan-penurunan-harga-runcit-telur-ayam-kpdn-sandakan/ | SABAH MEDIA |
| 20-Jun | Sandakan KPDN tells public to buy eggs from supermarkets as they follow govt regulated prices | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/06/19/sandakan-kpdn-tells-public-to-buy-eggs-from-supermarkets-as-they-follow-govt-regulated-prices/140505 | MALAY MAIL |
| 20-Jun | Buy eggs from supermarkets as they follow govt regulated prices – KPDN | https://www.theborneopost.com/2024/06/19/buy-eggs-from-supermarkets-as-they-follow-govt-regulated-prices-kpdn/ | THE BORNEO POST |
| 20-Jun | 4,000 liter diesel diseleweng berjaya dirampas | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/06/4000-liter-diesel-diseleweng-berjaya-dirampas/ | UTUSAN MALAYSIA |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 20-Jun | Penjaga stor ditahan, KPDN rampas 4,000 liter diesel bersubsidi di Tawau | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/06/19/penjaga-stor-ditahan-kpdn-rampas-4000-liter-diesel-bersubsidi-di-tawau/ | FREE MALAYSIA TODAY |
| 20-Jun | Penjaga stor ditahan, sita 4,000 liter diesel bersubsidi di Tawau | https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/penjaga-stor-ditahan-sita-4-000-liter-diesel-bersubsidi-di-tawau | BERITA RTM |
| 20-Jun | KPDN tahan penjaga stor, sita 4,000 liter diesel ber-subsidi di Tawau | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/06/1260699/kpdn-tahan-penjaga-stor-sita-4000-liter-diesel-bersubsidi-di-tawau | BERITA HARIAN |
| 20-Jun | KPDN tahan penjaga stor, sita 4,000 liter diesel ber-subsidi di Tawau | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-tahan-penjaga-stor-sita-4000-liter-diesel-bersubsidi-di-tawau-475462 | ASTRO AWANI |
| 20-Jun | Sabah KPDN seizes 4,000 litres of subsidised diesel in storage facility raid | https://thesun.my/local-news/sabah-kpdn-seizes-4000-litres-of-subsidised-diesel-in-storage-facility-raid-JP12594926 | THE SUN |
| 20-Jun | KPDN Sabah rampas 4,000 minyak diesel disyaki cuba diseleweng | https://www.utusanborneo.com.my/2024/06/19/kpdn-sabah-rampas-4000-minyak-diesel-disyaki-cuba-diseleweng | UTUSAN BORNEO |
| 20-Jun | KPDN TAHAN PENJAGA STOR, SITA 4,000 LITER DIESEL BERSUBSIDI DI TAWAU | https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2309322 | BERNAMA |
| 20-Jun | Stor simpan diesel haram kena serbu | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/06/1102231/stor-simpan-diesel-haram-kena-serbu | HARIAN METRO |
| 20-Jun | KPDN Sabah rampas 4,000 liter minyak diesel diseleweng | https://sabahmedia.com/2024/06/19/kpdn-sabah-rampas-4000-liter-minyak-diesel-diseleweng/ | SABAH MEDIA |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 20-Jun | 4,000 litres of diesel seized in Tawau raid, 1 arrested | https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/06/1065709/4000-litres-diesel-seized-tawau-raid-1-arrested | NEW STRAITS TIMES |
| 20-Jun | KPDN rampas 4,000 liter diesel, cekup penjaga stor di Tawau | https://www.dailyexpress.com.my/news/236360/kpdn-rampas-4-000-liter-diesel-cekup-penjaga- | DAILY EXPRESS |
| 20-Jun | KPDN tahan penjaga stor, sita 4,000 liter diesel ber-subsidi | https://www.sinarharian.com.my/article/670791/berita/semasa/kpdn-tahan-penjaga-stor-sita-4000-liter-diesel-bersubsidi | SINAR HARIAN |
| 20-Jun | KPDN tahan penjaga stor, sita 4,000 liter diesel ber-subsidi di Tawau | https://malaysiagazette.com/2024/06/19/kpdn-tahan-penjaga-stor-sita-4000-liter-diesel-bersubsidi-di-tawau/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 20-Jun | KPDN tahan penjaga stor, sita 4,000 liter diesel ber-subsidi di Tawau | https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-tahan-penjaga-stor-sita-4000-liter-diesel-bersubsidi-di-tawau/ | BULETIN TV3 |
| 20-Jun | KPDN Kelantan rancang pasang CCTV di stesen minyak di sempadan negara | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-kelantan-rancang-pasang-cctv-di-stesen-minyak-di-sempadan-negara-475399 | ASTRO AWANI |
| 20-Jun | KPDN Kelantan rancang pasang CCTV di stesen minyak sempadan | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/06/19/kpdn-kelantan-rancang-pasang-cctv-di-stesen-minyak-sempadan/ | FREE MALAYSIA TODAY |
| 20-Jun | Domestic trade ministry plans to install CCTV at bor-der petrol stations in Kelan-tan | https://theedgemalaysia.com/node/715957 | THE EDGE MALAYSIA |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT